

09 JUL 2002

PEGUAM NEGARA BELUM TERIMA LAPORAN POLIS MENGENAI UCAPAN MAT SABU

SEREMBAN, 9 Julai (Bernama) -- Peguam Negara Datuk Abdul Gani Patail berkata beliau masih belum menerima laporan polis mengenai ucapan anggota Parlimen Pas Kuala Kedah Mohamad Sabu yang dikatakan menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perkara itu baru saja berlaku dan biarlah polis membuat siasatan dahulu, katanya.

"Jika ada kesalahan sudah semestinya kita mengambil tindakan. Kalau tak ada tu...tak adalah, bergantung kepada bukti yang mencukupi. Sama ada ia satu kesalahan atau tidak...tengoklah daripada pelbagai sudut sebelum mengambil sebarang tindakan. Kita akan cuba "push" perkara ini secepat mungkin," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis persidangan Jemaah Pengampunan Negeri di Istana Hinggap, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim Sabtu lepas bahawa Mohamad Sabu perlu bersedia menerima apa juga tindakan berikutan ucapannya yang dikatakan menghina Perdana Menteri.

Sebelum itu, Abdul Gani membuat kunjungan hormat ke atas Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad di pejabat Menteri Besar di Wisma Negeri di sini.

Ditanya dalam kes Mohamad Sabu mesti ada laporan polis dahulu sebelum tindakan siasatan dibuat, beliau berkata di bawah undang-undang, laporan polis adalah untuk membolehkan polis turun menyiasat tetapi dalam kes-kes tertentu kalau berlaku seperti contoh pembunuhan takkan nak tunggu laporan polis, jadi benda itu boleh dibuat bergantung kepada situasi.

-- BERNAMA

RP PR